# MR.D.I.Y.

**Always Low Prices**

**MR D.I.Y. GROUP (M) BERHAD**

[Company No.: 201001034084 (918007-M)]

(Incorporated in Malaysia under the Companies Act, 1965 and deemed registered under the Companies Act 2016)

# NOTICE OF ANNUAL GENERAL MEETING

**NOTICE IS HEREBY GIVEN THAT** the 10th Annual General Meeting ("AGM") of MR D.I.Y. GROUP (M) BERHAD will be conducted on a fully virtual basis from the Broadcast Venue at Lot 1907, Jalan KPB 11, Kawasan Perindustrian Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia and via the TIIH Online website at https://tiih.online on Tuesday, 15 June 2021 at 2.00 p.m. for the purpose of considering and if thought fit, to pass the following resolutions, with or without modifications:-

**AS ORDINARY BUSINESSES**

1. To receive the Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2020 and the Reports of the Directors and Auditors thereon.
   *(Please refer to Explanatory Note 1)*

2. To re-elect the following Directors who retire by rotation in accordance with Clause 130 of the Company's Constitution and being eligible, offer themselves for re-election:-
   i) Tan Yu Yeh — Resolution 1
   ii) Ng Ing Peng — Resolution 2
   *(Please refer to Explanatory Note 2)*

3. To approve the payment of Directors' fees and benefits payable to the Non-Executive Directors for an amount up to RM650,000 for the period from 1 July 2021 until the next Annual General Meeting to be held in 2022. — Resolution 3
   *(Please refer to Explanatory Note 3)*

4. To re-appoint BDO PLT as Auditors of the Company for the financial year ending 31 December 2021 and to authorise the Board of Directors to determine their remuneration. — Resolution 4
   *(Please refer to Explanatory Note 4)*

**AS SPECIAL BUSINESS**

To consider and if thought fit, to pass the following Ordinary Resolutions, with or without modifications:-

5. **ORDINARY RESOLUTION 1** — Resolution 5
   **PROPOSED AUTHORITY TO ISSUE AND ALLOT ORDINARY SHARES PURSUANT TO SECTIONS 75 AND 76 OF THE COMPANIES ACT 2016**

   "THAT subject always to the Companies Act 2016 ("the Act"), the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"), the Company's Constitution and the approvals of the relevant government and/or regulatory authorities, if any, the Directors of the Company be and are hereby empowered, pursuant to Sections 75 and 76 of the Act, to issue and allot shares in the Company at any time, at such price, upon such terms and conditions and for such purposes and to such persons whomsoever as the Directors may, in their absolute discretion deem fit and expedient in the best interest of the Company, provided that the aggregate number of shares to be issued pursuant to this resolution does not exceed ten per centum (10%) of the total number of issued shares of the Company for the time being AND THAT the Directors of the Company be and are also empowered to do all such things as they may deem fit and expedient to give effect to the issuance of new shares under this resolution including making such applications to Bursa Securities for the listing of and quotation for the additional shares so issued on Bursa Securities AND THAT such authority shall commence immediately upon passing of this resolution and continue to be in force until the conclusion of the next Annual General Meeting of the Company."
   *(Please refer to Explanatory Note 5)*

6. **ORDINARY RESOLUTION 2**
   **PROPOSED SHAREHOLDERS' MANDATE FOR RECURRENT RELATED PARTY TRANSACTIONS OF A REVENUE AND/OR TRADING IN NATURE**

   "THAT pursuant to Paragraph 10.09 of the Main Market Listing Requirements of Bursa Malaysia Securities Berhad, approval be and is hereby given to the Company and/or its subsidiaries ("the Group") to enter into the following recurrent related party transactions with the related parties, particulars of which are set out in Section 2.5 of the Circular to Shareholders dated 28 April 2021, which are of revenue and/or trading in nature, which are necessary for the Group's day-to-day operations, undertaken in the ordinary course of business at arm's length basis and on normal commercial terms which are not more favourable to the related parties than those generally available to the public and are not detrimental to the interest of the minority shareholders of the Company:-

   i) Provision of procurement services, financial reporting services and consultancy services by the Group to Mr. D.I.Y. International Holding Ltd. ("MDIH") and its subsidiaries, associated companies and corporations controlled by MDIH. — Resolution 6

   ii) Sale of goods by Mr. D.I.Y. Trading Sdn. Bhd., a wholly owned subsidiary of the Company, to Mr D.I.Y. Trading (Singapore) Pte. Ltd. for the purpose of retail operations in Singapore. — Resolution 7

   THAT such authority shall commence upon the passing of this resolution and shall continue to be in force until:-

   i) the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company at which time the mandate will lapse, unless by a resolution passed at the next AGM, the mandate is renewed;

   ii) the expiration of the period within which the AGM is required to be held pursuant to Section 340(2) of the Companies Act 2016 ("the Act") (but shall not extend to such extension as may be allowed pursuant to Section 340(4) of the Act); or

   iii) the resolution is revoked or varied by a resolution passed by the shareholders of the Company in general meeting,

   whichever is the earlier,

   AND THAT the Directors of the Company be hereby authorised to complete and do all such acts and things (including executing such documents as may be required) as they may consider expedient or necessary to give effect to the transactions contemplated and/or authorised by this Ordinary Resolution."
   *(Please refer to Explanatory Note 6)*

7. **ORDINARY RESOLUTION 3** — Resolution 8
   **PROPOSED AUTHORITY FOR THE COMPANY TO PURCHASE ITS OWN SHARES ("PROPOSED SHARE BUY-BACK AUTHORITY")**

   "THAT subject always to the provisions of Companies Act 2016 ("the Act"), the Constitution of the Company, the Main Market Listing Requirements ("MMLR") of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") and/or any other relevant laws, regulations, guidelines and/or regulatory authorities, if any:-

   a) approval be and is hereby given for the Company to purchase such amount of ordinary shares in the Company as may be determined by the Directors of the Company from time to time through Bursa Securities upon such terms and conditions as the Directors of the Company may deem fit and expedient in the interest of the Company provided that:-

      i) the aggregate number of shares which may be purchased and held by the Company shall not exceed ten per centum (10%) of the total number of issued shares of the Company at the time of purchase; and

      ii) the maximum funds to be allocated by the Company for the purpose of purchasing its ordinary shares shall not exceed the total retained profits of the Company based on the latest audited financial statements and/or the latest management accounts (where applicable) available at the time of the purchase;

      iii) upon completion of the shares so purchased, the Directors of the Company be authorised at their absolute discretion to cancel the shares so purchased or to retain the shares so purchased as treasury shares (of which may be dealt with in accordance with Section 127(7) of the Act), or to retain part of the shares so purchased as treasury shares and cancel the remainder and in any other manner as prescribed by the Act, rules, regulations and orders made pursuant to the Act, the MMLR of Bursa Securities and any other relevant authorities for the time being in force.

   b) the approval conferred by this resolution shall commence immediately upon passing of this resolution and continue to be in force until:-

      i) the conclusion of the next Annual General Meeting ("AGM") of the Company, at which time it shall lapse, unless by an ordinary resolution passed at that meeting, the authority is renewed, either unconditionally or subject to conditions;

      ii) the expiration of the period within which the next AGM after that date is required by law to be held; or

      iii) revoked or varied by an ordinary resolution passed by the shareholders in a general meeting;

   whichever occurs first, but shall not prejudice the completion of purchase(s) by the Company of its own shares before the aforesaid expiry date and, in any event, in accordance with the MMLR of Bursa Securities and any applicable laws, regulations, guidelines and requirements issued by any relevant authorities.

   c) authority be and is hereby given to the Directors of the Company to take all such steps as are necessary or expedient to implement, finalise and give full effect to the Proposed Share Buy-Back Authority with full powers to assent to any conditions, modifications, revaluations, variations and/ or amendments (if any) as may be required or imposed by the relevant authorities from time to time and to do all such acts and things (including executing all documents) as the Directors may deem fit and expedient in the best interest of the Company."
   *(Please refer to Explanatory Note 7)*

8. To transact any other business of which due notice shall have been given in accordance with the Companies Act 2016 and the Company's Constitution.

**By order of the Board**

**WONG MUN SIN**
**(MAICSA 7025509)**
**(SSM PC No. 202008000876)**
Company Secretary

Dated : 28 April 2021
Selangor Darul Ehsan

***NOTES:***

1. *The Broadcast Venue of the 10th Annual General Meeting ("AGM") is strictly for the purpose of complying with Section 327(2) of the Companies Act 2016 ("the Act") which requires the Chairman of the Meeting to be at the main venue of the meeting. Shareholders/proxy(ies) will not be allowed to attend the 10th AGM in person at the Broadcast Venue.*

   *Shareholders/proxy(ies) are to attend, speak (including posing questions to the Board via real time submission of typed texts or prior to the AGM) and vote (collectively, "participate") remotely at the 10th AGM via the Remote Participation and Voting facilities ("RPV") provided by Tricor Investor & Issuing House Services Sdn. Bhd. ("Tricor") via its TIIH Online website at https://tiih.online. Please follow the Procedures for RPV in the Administrative Details and notes below in order to participate remotely via RPV.*

2. *For the purpose of determining who shall be entitled to participate in this AGM via RPV, the Company shall be requesting Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. to make available to the Company, the Record of Depositors as at 8 June 2021. Only members whose names appear on this Record of Depositors shall be entitled to participate in this AGM via RPV or appoint proxy/proxies to attend and vote on his/her behalf via RPV.*

3. *A member, including an Authorised Nominee, may appoint not more than two (2) proxies to attend and vote instead of the member or Authorised Nominee at the meeting on the same occasion.*

   *An Exempt Authorised Nominee (which holds ordinary shares in the Company for the Omnibus Account) may appoint one or more proxies to attend on the same occasion. There is no limit to the number of proxies which an Exempt Authorised Nominee may appoint in respect of each Omnibus Account the Exempt Authorised Nominee holds.*

   *Where a member, an Authorised Nominee or an Exempt Authorised Nominee appoints more than one (1) proxy, the proportion of shareholdings to be represented by each proxy must be specified in the instrument appointing the proxies. The appointment shall not be valid unless he specifies the proportions of his holdings to be represented by each proxy.*

4. *A proxy may but need not be a member of the Company. There shall be no restriction as to the qualification of the proxy. A proxy appointed to attend and vote at a meeting of the Company shall have the same rights as the member to speak at a meeting.*

5. *A member who has appointed a proxy or attorney or authorised representative to attend, participate, speak and vote at this 10th AGM via RPV must request his/her proxy or attorney or authorised representative to register himself/herself for RPV at TIIH online website at https://tiih.online. Please follow the Procedures for RPV in the Administrative Details.*

6. *The appointment of a proxy may be made in a hard copy form or by electronic means in the following manner and must be received by the Company **not later than Monday, 14 June 2021 at 2.00 p.m.**:*

   i) *In hard copy form*
   *The hardcopy proxy form must be deposited with the Share Registrar of the Company at Tricor Investor & Issuing House Services Sdn. Bhd., Unit 32-01, Level 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia or alternatively, the Customer Service Centre at Unit G-3, Ground Floor, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.*

   ii) *By electronic form*
   *The proxy form can be electronically lodged with the Share Registrar of the Company, Tricor, via TIIH Online at https://tiih.online. Kindly refer to the Administrative Details on the procedures for electronic lodgement of proxy form via TIIH Online.*

7. *The lodging of a completed Proxy Form does not preclude a member from participating and voting at the AGM. Should you subsequently decide to participate at the AGM, please submit a notice of revocation in writing to the Share Registrar of the Company, Tricor, at the above address or via email at is.enquiry@my.tricorglobal.com, not later than Sunday, 13 June 2021 at 2.00 p.m.*

8. *Please ensure ALL the particulars as required in the proxy form are completed, signed and dated accordingly.*

9. *The resolutions set out in the Notice of 10th AGM will be put to vote by poll pursuant to Paragraph 8.29A(1) of the Main Market Listing Requirements ("MMLR") of Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities").*

**EXPLANATORY NOTES**

(1) *Audited Financial Statements for the financial year ended 31 December 2020 and the Reports of the Directors and Auditors thereon*

The audited financial statements are laid at the AGM in accordance with Section 340(1)(a) of the Act for discussion only. They do not require shareholders' approval and hence, will not be put for voting.

(2) *Resolutions 1 and 2 : Re-election of Directors*

Clause 130 of the Constitution of the Company provides that at each AGM, one-third of the Directors are subject to retirement by rotation such that each Director shall retire from office once in every three (3) years. The Directors who retire from office shall be eligible for re-election. Hence, 2 out of 6 Directors of the Company are to retire and shall be eligible for re-election at the 10th AGM.

Tan Yu Yeh and Ng Ing Peng are retiring and being eligible, have offered themselves for re-election at the 10th AGM.

The Board, through the Nomination and Remuneration Committee ("NRC"), has conducted an assessment on the suitability of Tan Yu Yeh and Ng Ing Peng who are seeking re-election at the 10th AGM of the Company and agreed that both Directors have met the criteria of character, experience, integrity, competence and time commitment to effectively discharge their respective roles as Directors as prescribed in Paragraph 2.20A of the MMLR of Bursa Securities.

The NRC has also considered and affirmed, and the Board has endorsed that Ng Ing Peng, an Independent Director, complied with the independence criteria as prescribed in the MMLR of Bursa Securities and remained independent in exercising her judgment and in carrying out her duties as Independent Director.

(3) *Resolution 3 – Directors' Fees and Benefits*

Pursuant to Section 230(1) of the Act, Paragraph 7.24 of the MMLR of Bursa Securities and Clause 112 of the Constitution of the Company, any fees and benefits payable to the Directors shall be approved at a general meeting.

The amount of Directors' fees and benefits payable to the Non-Executive Directors ("NEDs") of the Company as members of the Board and Board Committees of the Company is based on the following remuneration framework:

| Type of Fees/Benefits | Amount (RM) |
|---|---|
| Non-Executive Chairman | 144,000 per annum |
| Non-Executive Director | 100,800 per annum |
| Meeting allowance | 1,000 per meeting |
| Chairman allowance | 5,000 per month |

In determining the estimated total amount of Directors' fees and benefits for the NEDs, the Board has considered various factors, including the number of scheduled and non-scheduled meetings of Board, Board Committees and general meetings, the composition of NEDs, including a provisional sum as a contingency for future appointment of additional NED on the Board and other allowances associated to and to facilitate their discharging of duties as Directors.

The proposed Resolution 3, if passed, will give authority to the Company to pay the Directors' fees and benefits to NEDs on a monthly basis in arrears and/or as and when incurred, since the NEDs have discharged their responsibilities and rendered their services to the Company throughout the period.

(4) *Resolution 4 - Re-appointment of Auditors*

The Board, through the Audit and Risk Management Committee, had conducted an assessment on the suitability, objectivity and independence of BDO PLT in respect of the financial year ended 31 December 2020. The Board was satisfied with the performance of BDO PLT and recommended the re-appointment of BDO PLT as Auditors of the Company to hold office until the conclusion of the next AGM in 2022 in accordance with Section 271 of the Act.

(5) *Resolution 5 – Proposed Authority for Directors of the Company to Issue and Allot Ordinary Shares pursuant to Sections 75 and 76 of the Act*

Resolution 5 is a proposed general mandate for the Company to issue and allot shares at any time provided, that the aggregate number of shares issued does not exceed ten per centum (10%) of the total number of issued shares of the Company.

This authority, unless revoked or varied by the Company at a general meeting, will expire at the conclusion of the next AGM in 2022.

Please refer to the Statement Accompanying Notice of AGM for further details of the Proposed General Mandate.

(6) *Resolutions 6 to 7 – Proposed Shareholders' Mandate for Recurrent Related Party Transactions of a Revenue and/or Trading in Nature ("Proposed RRPTs")*

The Proposed RRPTs, if approved, will allow the Group to enter into recurrent related party transactions of a revenue or trading nature with its related parties as set out in Section 2.5 of the Circular to Shareholders dated 28 April 2021 in accordance with the MMLR of Bursa Securities without the necessity to convene separate general meetings to seek shareholders' approval as and when such recurrent related party transactions occur. This would reduce substantial administrative time and expenses associated with the convening of such meetings without compromising the corporate objectives of the Group or affecting the business opportunities available to the Group. For further details, please refer to Part A of the Circular to Shareholders dated 28 April 2021, which is circulated together with the Annual Report 2020.

(7) *Resolution 8 – Proposed Share Buy-Back Authority*

The Proposed Share Buy-Back Authority, if approved, will empower the Company to purchase its own shares up to ten per centum (10%) of the total number of issued shares of the Company at any time within the time period as stipulated in the MMLR of Bursa Securities. For further information, please refer to Part B of the Circular to Shareholders dated 28 April 2021.

**Always Low Prices**

**MR D.I.Y. GROUP (M) BERHAD**

[No. Syarikat : 201001034084 (918007-M)]
(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 dan dianggap didaftarkan di bawah Akta Syarikat 2016)

# NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN

DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-10 MR D.I.Y. GROUP (M) BERHAD akan diadakan secara maya sepenuhnya dari Tempat Penyiaran di Lot 1907, Jalan KPB 11, Kawasan Perindustrian Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan, Malaysia dan melalui laman sesawang TIIH Online di https://tiih.online pada hari Selasa, 15 Jun 2021 pada jam 2.00 petang untuk tujuan penimbangan dan sekiranya wajar, untuk meluluskan resolusi-resolusi berikut, dengan atau tanpa pengubahsuaian:-

**SEBAGAI URUSAN BIASA**

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020, berserta laporan-laporan Lembaga Pengarah dan Juruadit yang berkaitan dengannya.
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 1)*
2. Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang akan bersara mengikut giliran selaras dengan Fasal 130 Perlembagaan Syarikat dan kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk perlantikan semula:-
   i) Tan Yu Yeh — Resolusi 1
   ii) Ng Ing Peng — Resolusi 2
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 2)*
3. Untuk meluluskan bayaran yuran dan manfaat para Pengarah kepada para Pengarah Bukan Eksekutif yang berjumlah sehingga RM650,000 bagi tempoh bermula dari 1 Julai 2021 sehingga Mesyuarat Agung Tahunan yang berikutnya yang akan dilangsungkan pada tahun 2022. — Resolusi 3
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 3)*
4. Untuk melantik semula BDO PLT sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Disember 2021 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka. — Resolusi 4
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 4)*

**SEBAGAI URUSAN KHAS**

Untuk menimbang dan sekiranya difikirkan wajar, meluluskan Resolusi Biasa berikut, dengan atau tanpa pengubahsuaian:-

5. **RESOLUSI BIASA 1** — Resolusi 5
   **CADANGAN KUASA UNTUK MENERBIT DAN MEMPERUNTUKKAN SAHAM BIASA SELARAS DENGAN SEKSYEN 75 DAN 76 AKTA SYARIKAT 2016**

   "BAHAWA tertakluk sentiasa kepada Akta Syarikat 2016 ("Akta"), Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities"), Perlembagaan Syarikat dan kelulusan pihak berkuasa dan/atau pengawalselia kerajaan berkaitan, sekiranya ada, para Pengarah Syarikat adalah dan dengan ini diberi kuasa, selaras dengan Seksyen 75 dan 76 Akta, untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham dalam Syarikat pada bila-bila masa, pada harga tertentu, atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu dan bagi tujuan tertentu dan kepada sesiapa tertentu, mengikut budi bicara mutlak para Pengarah, demi kepentingan terbaik Syarikat, dengan syarat bahawa agregat bilangan saham untuk diterbitkan selaras dengan resolusi ini tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah bilangan saham Syarikat yang telah diterbitkan buat masa ini DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat adalah dan juga diberi kuasa untuk melaksanakan semua perkara sebagaimana dianggap sesuai dan bermanfaat untuk menerbitkan saham baru di bawah resolusi ini termasuk membuat permohonan tertentu kepada Bursa Securities bagi penyenaraian dan sebut harga saham tambahan yang akan diterbitkan pada Bursa Securities DAN BAHAWA kuasa tersebut akan berkuatkuasa sebaik sahaja selepas resolusi ini diluluskan dan akan terus berkuatkuasa sehingga penutupan Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat pada tahun berikutnya."
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 5)*

6. **RESOLUSI BIASA 2**
   **CADANGAN MANDAT PARA PEMEGANG SAHAM UNTUK MENJALANKAN URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN BERULANG YANG BERSIFAT HASIL DAN/ATAU PERDAGANGAN**

   "BAHAWA selaras dengan Perenggan 10.09 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad, kelulusan adalah dan dengan ini diberikan untuk Syarikat dan/atau anak-anak syarikatnya ("Kumpulan") untuk menjalankan urus niaga pihak berkaitan berulang dengan pihak berkaitan sepertimana yang dinyatakan dalam Seksyen 2.5 Pekeliling Syarikat kepada para Pemegang Saham bertarikh 28 April 2021, yang bersifat hasil dan/atau perdagangan, yang diperlukan bagi operasi harian Kumpulan, yang dilaksanakan dalam urusan biasa perniagaan atas terma-terma komersial biasa yang tidak lebih menguntungkan kepada pihak berkaitan daripada yang tersedia kepada orang awam dan tidak memudaratkan kepentingan para pemegang saham minoriti Syarikat:-

   i) Peruntukan perkhidmatan perolehan, perkhidmatan pelaporan kewangan dan perkhidmatan perundingan oleh Kumpulan kepada Mr. D.I.Y. International Holding Ltd. ("MDIH") dan anak-anak syarikatnya, syarikat-syarikat bersekutu dan perbadanan yang dikawal oleh MDIH. — Resolusi 6

   ii) Penjualan barangan oleh Mr. D.I.Y. Trading Sdn. Bhd., anak syarikat milik penuh Syarikat, kepada Mr D.I.Y. Trading (Singapore) Pte. Ltd. bagi tujuan operasi runcit di Singapura. — Resolusi 7

   BAHAWA kuasa berkenaan akan berkuatkuasa sebaik sahaja resolusi ini diluluskan dan akan terus berkuatkuasa sehingga:-

   i) penutupan Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat pada tahun berikutnya pada masa dimana mandat akan luput, melainkan melalui resolusi yang akan diluluskan pada AGM yang berikutnya, dimana mandat akan diperbaharui;

   ii) penamatan tempoh dimana AGM perlu diadakan selaras dengan Seksyen 340(2) Akta Syarikat 2016 ("Akta") (tetapi tidak akan dilanjutkan sehingga lanjutan tertentu sebagaimana mungkin dibenarkan selaras dengan Seksyen 340(4) Akta); atau

   iii) resolusi dibatalkan atau diubah melalui resolusi yang diluluskan oleh para pemegang saham Syarikat pada mesyuarat agung,

   yang mana lebih awal,

   DAN BAHAWA para Pengarah Syarikat diberikan kuasa untuk melengkapkan dan melaksanakan semua tindakan dan perkara (termasuk menandatangani kesemua dokumen tertentu sebagaimana mungkin diperlukan) sebagaimana mereka mungkin anggap bermanfaat atau perlu untuk memberikan kesan kepada urus niaga yang dipertimbangkan dan/atau dibenarkan melalui Resolusi Biasa ini."
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 6)*

7. **RESOLUSI BIASA 3** — Resolusi 8
   **CADANGAN KUASA KEPADA SYARIKAT UNTUK MEMBELI SAHAM SYARIKAT ("CADANGAN KUASA BELIAN BALIK SAHAM")**

   "BAHAWA tertakluk sentiasa kepada peruntukan Akta Syarikat 2016 ("Akta"), Perlembagaan Syarikat, Syarat-Syarat Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") dan/atau mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak pengawalselian lain, sekiranya ada:-

   a) kelulusan adalah dan dengan ini diberikan kepada Syarikat untuk membeli saham biasa Syarikat sebagaimana mungkin yang ditentukan oleh para Pengarah Syarikat dari semasa ke semasa melalui Bursa Securities mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang ditentukan oleh para Pengarah Syarikat berdasarkan pertimbangan mereka yang wajar dan perlu demi kepentingan Syarikat dengan syarat bahawa:-

      i) bilangan agregat saham yang akan dibeli dan dipegang oleh Syarikat tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah bilangan saham terbitan Syarikat pada masa pembelian; dan

      ii) dana maksimum yang akan diperuntukkan kepada Syarikat bagi tujuan pembelian saham-saham biasanya tidak melebihi jumlah keuntungan tertahan Syarikat berdasarkan penyata kewangan beraudit terkini dan/atau akaun pengurusan terkini (yang mana berkenaan) pada masa pembelian;

      iii) apabila selesai membeli saham, para Pengarah Syarikat dibenarkan untuk mengikut budi bicara mutlak mereka untuk membatalkan saham yang dibeli atau menyimpan saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan (yang boleh diuruskan selaras dengan Seksyen 127(7) Akta), atau mengekalkan sebahagian daripada saham yang dibeli sebagai saham perbendaharaan dan membatalkan baki saham sepertimana yang dibenarkan oleh Akta, peraturan dan perintah selaras dengan Akta, MMLR Bursa Securities dan mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan pada masa ini.

   b) kelulusan yang diberikan oleh resolusi ini akan berkuatkuasa sebaik sahaja resolusi ini diluluskan dan akan terus berkuatkuasa sehingga:-

      i) penutupan Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") Syarikat pada tahun berikutnya, pada masa dimana kelulusan ini akan luput melainkan melalui resolusi yang akan diluluskan pada mesyuarat berikut, dimana kuasa akan diperbaharui, sama ada secara tidak bersyarat atau tertakluk kepada syarat-syarat;

      ii) penamatan tempoh di mana AGM berikutnya harus diadakan sepertimana yang ditetapkan oleh undang-undang, atau

      iii) pembatalan atau pengubahan melalui resolusi biasa yang akan diluluskan oleh para pemegang saham dalam mesyuarat agung;

   yang mana berlaku terlebih dahulu, tetapi tidak akan menjejaskan penyelesaian pembelian saham Syarikat seperti yang dinyatakan di atas dan, dalam apa jua keadaan, selaras dengan MMLR Bursa Securities dan mana-mana undang-undang terpakai, peraturan, garis panduan dan syarat-syarat yang digunapakai oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkenaan.

   c) kuasa adalah dan dengan ini diberikan kepada para Pengarah Syarikat untuk mengambil semua tindakan yang dianggap perlu dan wajar untuk melaksanakan, memuktamadkan dan memberi kesan sepenuhnya kepada Cadangan Pembelian Balik Saham dengan kuasa penuh untuk menyetujui kepada sebarang syarat, pengubahsuaian, penilaian semula, variasi dan/atau pindaan (sekiranya ada) sebagaimana yang mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa yang berkaitan dari semasa ke semasa dan untuk melaksanakan sebarang tindakan dan perkara yang diperlukan (termasuk pelaksanaan semua dokumen) sebagaimana para Pengarah beranggapan wajar dan perlu demi kepentingan Syarikat."
   *(Sila rujuk kepada Nota Penjelasan 7)*

8. Untuk melaksanakan sebarang urusan lain dimana notis yang sewajarnya telah diberikan selaras dengan Akta Syarikat 2016 dan Perlembagaan Syarikat.

**Menurut Perintah Lembaga Pengarah**

**WONG MUN SIN (MAICSA 7025509)**
**(SSM PC No. 202008000876)**
Setiausaha Syarikat

Tarikh : 28 April 2021
Selangor Darul Ehsan

***NOTA-NOTA:***

1. *Tempat Penyiaran Mesyuarat Agung Tahunan ("AGM") ke-10 adalah khusus untuk tujuan mematuhi Seksyen 327(2) Akta Syarikat 2016 ("Akta") yang mengkehendaki Pengerusi Mesyuarat untuk hadir di tempat penyiaran utama mesyuarat. Pemegang saham/proksi tidak dibenarkan untuk menghadiri AGM ke-10 secara fizikal di Tempat Penyiaran.*

   *Pemegang saham/proksi akan hadir, bercakap (termasuk mengemukakan soalan kepada Lembaga Pengarah melalui penyerahan teks yang ditaip secara waktu nyata atau sebelum AGM) dan mengundi (secara kolektif, "mengambil bahagian") secara jarak jauh pada AGM ke-10 melalui Penyertaan Jarak Jauh dan kemudahan mengundi ("RPV") yang disediakan oleh Tricor Investor & Issuing House Services Sdn. Bhd. ("Tricor") melalui laman sesawang TIIH Online di https://tiih.online. Sila ikuti Prosedur bagi RPV seperti yang dinyatakan dalam Butir-butir Pentadbiran dan nota di bawah untuk mengambil bahagian secara jarak jauh melalui RPV.*
2. *Bagi tujuan menentukan ahli yang layak menghadiri AGM ini melalui RPV, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn. Bhd. untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit bertarikh 8 Jun 2021. Hanya ahli-ahli yang namanya tersenarai dalam Rekod Pendeposit layak menghadiri AGM ini melalui RPV atau melantik proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihak beliau melalui RPV.*
3. *Ahli, termasuk Nomini Diberi Kuasa, boleh melantik tidak lebih daripada dua (2) proksi untuk hadir dan mengundi bagi menggantikan ahli atau Nomini Diberi Kuasa pada mesyuarat yang sama.*

   *Nomini Diberi Kuasa Terkecuali (yang memegang saham biasa dalam Syarikat untuk Akaun Omnibus) boleh melantik satu atau lebih proksi untuk hadir pada mesyuarat yang sama. Tidak ada batasan kepada bilangan proksi yang Nomini Diberi Kuasa Terkecuali boleh dilantik berhubung dengan setiap Akaun Omnibus yang dipegangnya.*

   *Di mana ahli, Nomini Diberi Kuasa atau Nomini Diberi Kuasa Terkecuali melantik lebih daripada satu (1) proksi, bahagian pegangan saham yang akan diwakili oleh setiap proksi mesti dinyatakan dalam instrumen perlantikan proksi. Pelantikan adalah tidak sah melainkan beliau menyatakan bahagian pegangan saham yang akan diwakili oleh setiap proksi.*
4. *Proksi tidak semestinya ahli Syarikat. Tiada sekatan berhubungan dengan kelayakan proksi. Proksi yang dilantik untuk hadir dan mengundi pada mesyuarat Syarikat akan mempunyai hak yang sama seperti ahli yang hadir di mesyuarat.*
5. *Ahli yang telah melantik proksi atau perwakilan atau wakil yang diberi kuasa untuk hadir, mengambil bahagian, bercakap dan mengundi pada AGM ke-10 melalui RPV hendaklah meminta proksi atau perwakilan atau wakil yang diberi kuasa untuk mendaftarkan dirinya untuk RPV melalui laman sesawang TIIH Online di https://tiih.online. Sila ikuti Prosedur bagi RPV seperti yang dinyatakan dalam Butir-butir Pentadbiran.*
6. *Pelantikan proksi boleh dibuat melalui salinan cetak atau secara elektronik seperti berikut dan hendaklah diterima oleh Syarikat tidak lewat daripada hari Isnin, 14 Jun 2021 pada jam 2.00 petang.*

   *i) Melalui salinan cetak*
   *Salinan cetak borang proksi hendaklah didepositkan kepada Pendaftar Saham Syarikat di Tricor Investor & Issuing House Services Sdn. Bhd., Unit 32-01, Aras 32, Tower A, Vertical Business Suite, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia atau secara alternatif, Pusat Khidmat Pelanggan di Unit G-3, Aras Bawah, Vertical Podium, Avenue 3, Bangsar South, No. 8, Jalan Kerinchi, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia.*

   *ii) Melalui borang elektronik*
   *Borang proksi boleh diserah simpan secara elektronik dengan Pendaftar Saham Syarikat, Tricor, melalui TIIH Online di https://tiih.online. Sila rujuk kepada Butir-butir Pentadbiran mengenai prosedur bagi penyerahan simpan borang proksi elektronik melalui TIIH Online.*
7. *Penyerahan simpan Borang Proksi yang telah diisi tidak menghalang ahli daripada mengambil bahagian dan mengundi pada AGM. Sekiranya anda kemudiannya memutuskan untuk mengambil bahagian dalam AGM, sila kemukakan notis pembatalan secara bertulis kepada Pendaftar Saham Syarikat, Tricor, di alamat di atas atau melalui e-mel di is.enquiry@my.tricorglobal.com, tidak lewat daripada hari Ahad, 13 Jun 2021 pada jam 2.00 petang.*
8. *Sila pastikan SEMUA butiran sebagaimana diperlukan dalam borang proksi adalah diisi, ditandatangani dan ditarikhkan sewajarnya.*
9. *Resolusi-resolusi yang dinyatakan dalam Notis AGM ke-10 akan dijalankan melalui pengundian pol selaras dengan Perenggan 8.29A(1) Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama ("MMLR") Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities").*

**NOTA-NOTA PENJELASAN**

(1) *Penyata Kewangan Beraudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 dan Laporan para Pengarah dan Juruaudit yang berkaitan dengannya*

Penyata kewangan beraudit dibentangkan pada AGM adalah untuk perbincangan sahaja selaras dengan Seksyen 340(1)(a) Akta. Ia tidak memerlukan kelulusan para pemegang saham dan oleh itu, tidak akan diusul untuk pengundian.

(2) *Resolusi 1 dan 2 : Pelantikan Semula para Pengarah*

Fasal 130 Perlembagaan Syarikat memperuntukkan bahawa pada setiap AGM, satu pertiga daripada Pengarah dikehendaki bersara mengikut giliran dan setiap Pengarah dikehendaki bersara sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tiga (3) tahun. Para Pengarah yang bersara daripada jawatannya adalah layak untuk pelantikan semula. Dengan itu, 2 daripada 6 Pengarah Syarikat akan bersara dan layak untuk pelantikan semula pada AGM ke-10.

Tan Yu Yeh dan Ng Ing Peng akan bersara dan oleh kerana layak, telah menawarkan diri mereka untuk pelantikan semula pada AGM ke-10.

Lembaga Pengarah, melalui Jawatankuasa Perlantikan dan Imbuhan ("NRC"), telah melaksanakan penilaian mengenai kesesuaian Tan Yu Yeh dan Ng Ing Peng yang memohon pelantikan semula pada AGM ke-10 Syarikat dan bersetuju bahawa kedua-dua Pengarah telah memenuhi kriteria perwatakan, pengalaman, integriti, kecekapan dan komitmen masa untuk melaksanakan tugas masing-masing secara berkesan sebagai Pengarah sebagaimana ditetapkan dalam Perenggan 2.20A MMLR Bursa Securities.

NRC juga telah mempertimbangkan dan mengesahkan, dan Lembaga Pengarah telah menyokong bahawa Ng Ing Peng, Pengarah Bebas, telah mematuhi kriteria kebebasan sebagaimana ditetapkan dalam MMLR Bursa Securities dan kekal bebas dalam melaksanakan pertimbangan dan menjalankan tugas beliau sebagai Pengarah Bebas.

(3) *Resolusi 3 – Yuran dan Manfaat para Pengarah*

Selaras dengan Seksyen 230(1) Akta, Perenggan 7.24 MMLR Bursa Securities dan Fasal 112 Perlembagaan Syarikat, sebarang yuran dan manfaat yang perlu dibayar kepada para Pengarah hendaklah diluluskan pada mesyuarat agung.

Jumlah yuran dan manfaat para Pengarah yang perlu dibayar kepada Pengarah Bukan Eksekutif ("NED") Syarikat sebagai ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah berdasarkan rangka imbuhan berikut:-

| Jenis Yuran/Manfaat | Jumlah (RM) |
|---|---|
| Pengerusi Bukan Eksekutif | 144,000 setahun |
| Pengarah Bukan Eksekutif | 100,800 setahun |
| Elaun mesyuarat | 1,000 setiap mesyuarat |
| Elaun Pengerusi | 5,000 setiap bulan |

Dalam menentukan anggaran jumlah keseluruhan yuran dan manfaat para Pengarah bagi NED, Lembaga Pengarah telah menimbangkan pelbagai faktor, termasuk bilangan mesyuarat berjadual dan tidak berjadual bagi Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan mesyuarat agung, komposisi NED, termasuk jangkaan perlantikan NED baru pada masa hadapan dan peruntukan lain yang diperlukan untuk para Pengarah melaksanakan tugas mereka.

Cadangan Resolusi 3, sekiranya diluluskan, akan memberikan kuasa kepada Syarikat untuk membayar yuran dan manfaat para Pengarah kepada NED secara bulanan dan/atau apabila ia ditanggung, memandangkan NED telah menjalankan tanggungjawab dan memberikan perkhidmatan mereka kepada Syarikat sepanjang tempoh tersebut.

(4) *Resolusi 4 – Pelantikan Semula Juruaudit*

Lembaga Pengarah melalui Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko, telah melaksanakan penilaian mengenai kesesuaian, objektif dan kebebasan BDO PLT berhubung dengan tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020. Lembaga Pengarah berpuas hati dengan prestasi BDO PLT dan mengesyorkan pelantikan semula BDO PLT sebagai Juruaudit Syarikat untuk memegang jawatan sehingga penutupan AGM berikutnya pada tahun 2022 selaras dengan Seksyen 271 Akta.

(5) *Resolusi 5 – Cadangan kuasa bagi para Pengarah Syarikat untuk Menerbitkan dan Memperuntukkan Saham Biasa selaras dengan Seksyen 75 dan 76 Akta*

Resolusi 5 adalah cadangan mandat am bagi Syarikat untuk menerbitkan dan memperuntukkan saham pada bila-bila masa dengan syarat, bahawa bilangan agregat saham yang diterbitkan tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada jumlah bilangan saham Syarikat yang diterbitkan.

Kuasa ini, melainkan dibatalkan dan diubah oleh Syarikat pada mesyuarat agung, akan tamat pada penutupan AGM berikutnya pada tahun 2022. Sila rujuk kepada Penyata yang Mengiringi Notis AGM bagi butir-butir lanjut mengenai Cadangan Mandat Am.

(6) *Resolusi 6 hingga 7 – Cadangan Mandat para Pemegang Saham untuk menjalankan Urus Niaga Pihak Berkaitan Berulang Yang Bersifat Hasil dan/atau Perdagangan ("Cadangan RRPT")*

Cadangan RRPT, sekiranya diluluskan, akan membolehkan Kumpulan untuk menjalankan urus niaga pihak berkaitan berulang bersifat hasil atau perdagangan dengan pihak berkaitannya sebagaimana yang dikemukakan dalam Seksyen 2.5 Pekeliling kepada para Pemegang Saham yang bertarikh 28 April 2021 selaras dengan MMLR Bursa Securities tanpa mengadakan mesyuarat agung secara berasingan untuk mendapatkan kelulusan para pemegang saham apabila berlaku urus niaga pihak berkaitan berulang. Ini akan mengurangkan masa dan perbelanjaan pentadbiran utama yang berkaitan dengan mesyuarat tersebut tanpa menjejaskan objektif korporat Kumpulan atau menjejaskan peluang perniagaan yang tersedia kepada Kumpulan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Bahagian A Pekeliling kepada para Pemegang Saham yang bertarikh 28 April 2021, yang diedarkan bersama dengan Laporan Tahunan 2020.

(7) *Resolusi 8 – Cadangan Kuasa Belian Balik Saham*

Cadangan Kuasa Belian Balik Saham, sekiranya diluluskan, akan memberi kuasa kepada Syarikat untuk membeli saham sendiri sehingga sepuluh peratus (10%) daripada jumlah bilangan saham Syarikat yang diterbitkan pada bila-bila masa dalam tempoh masa sepertimana yang ditetapkan dalam MMLR Bursa Securities. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada Bahagian B Pekeliling kepada para Pemegang Saham yang bertarikh 28 April 2021.